

# FAQ PELAPORAN PENTAKSIRAN SEKOLAH RENDAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## LEMBAGA PEPERIKSAAN

### UPSR DAN PASR TAHUN 2017

**S1 Mengapakah pelaporan pada tahun ini berbeza daripada tahun sebelumnya?**

J1 Pendekatan berbeza mulai tahun 2017 ini akan melapor kejayaan murid yang telah melalui persekolahan peringkat rendah selama enam tahun apabila kejayaan murid sekolah rendah bukan lagi memberi fokus kepada keputusan UPSR sahaja. Kejayaan murid akan diperlihatkan melalui laporan yang lebih menyeluruh dipanggil **Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah** yang lebih holistik, komprehensif dan bermakna untuk memberi gambaran sebenar kemenjadian murid.

Pelaporan ini dapat digunakan oleh pihak berkepentingan khususnya guru, ibu bapa, murid dan ahli masyarakat untuk memahami dan membantu perancangan pembelajaran murid di peringkat persekolahan seterusnya.

**S2 Mengapakah Gred Purata Sekolah (GPS) tidak lagi dilaporkan mulai 2017?**

J2 GPS tidak lagi dilaporkan untuk mengelakkan perbandingan antara sekolah yang boleh mendatangkan tekanan kepada semua pihak yang terlibat. Melalui tindakan ini, kemenjadian murid dapat diberi perhatian melalui hasil daripada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dan bukan lagi difokuskan kepada GPS yang dijana daripada keputusan peperiksaan pusat.

**S3 Adakah terdapat perubahan dalam format UPSR pada tahun 2017?**

J3 Format peperiksaan UPSR tahun 2017 adalah sama seperti format UPSR tahun 2016.

**S4 Apakah perkaitan antara perkembangan murid dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dengan pencapaian murid dalam UPSR?**

J4 Perkembangan pembelajaran murid dalam PBD menyumbang kepada pencapaian murid dalam UPSR. Sekiranya pembelajaran berkesan dan bermakna berlaku dalam PBD, murid dapat menunjukkan prestasi yang baik dalam UPSR. Ini adalah kerana UPSR merupakan pelengkap kepada PBD.

**S5 Mengapakah hanya 6 mata pelajaran yang terlibat dalam UPSR?**

J5 Mata pelajaran yang terlibat mewakili mata pelajaran lain dipelajari oleh murid di sekolah. Penekanan kepada penguasaan literasi, numerasi dan penaakulan. Mata pelajaran lain ditaksir melalui PBD yang dilaksanakan secara berterusan.

**S6 Adakah kertas soalan Matematik UPSR 2017 lebih sukar berbanding tahun sebelumnya?**

J6 Penggubalan soalan setiap kertas peperiksaan adalah mematuhi sepenuhnya prinsip pembinaan soalan serta mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

**S7 Adakah soalan bagi kertas peperiksaan Bahasa Cina terlalu sukar?**

J7 Penggubalan soalan setiap kertas peperiksaan mematuhi sepenuhnya prinsip pembinaan soalan serta mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

**S8 Apakah PASR?**

J9 Pentaksiran Alternatif Sekolah Rendah (PASR) adalah pentaksiran pusat bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK) Masalah Pembelajaran yang tidak mengikuti kurikulum dan pentaksiran arus perdana. PASR dilaksanakan untuk melaporkan tahap penguasaan pembelajaran MBK Masalah Pembelajaran pada tahun akhir persekolahan rendah. PASR menggunakan pendekatan pentaksiran bersepadu (intergrated assessment) melalui Instrumen Projek Pendidikan Khas (ProKhas 1) dan Instrumen Projek Pendidikan Khas (ProKhas 2).

**S10 Adakah keputusan UPSR menentukan kelayakan kemasukan ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP) ?**

J10 Bagi kemasukan ke Asrama Penuh calon perlu memohon untuk menduduki Ujian Kemasukan Sekolah Berasrama Penuh (UKSBP) untuk dipertibangkan berdasarkan keputusan tersebut.

**S11 Adakah kewujudan soalan KBAT dalam kertas peperiksaan UPSR menjejaskan keputusan calon peperiksaan?**

J11 Soalan KBAT dalam pentaksiran dapat merangsang dan menggalakkan murid berfikir secara kreatif dan kritis untuk meningkatkan pembelajaran serta memenuhi hasrat KSSR dan tidak menjejaskan keputusan UPSR.

**S12 Bagaimana untuk memohon semak semula UPSR?**

J12 Permohonan penyemakan semula keputusan hendaklah dibuat menggunakan borang yang disediakan oleh LP. Borang boleh didapati di sekolah, JPN atau LP dimuat turun dari laman sesawang LP <http://lp.moe.gov.my> dengan bayaran RM50 bagi satu kertas.

**Bilakah tarikh tutup bagi permohonan semak semula?**

30 hari selepas tarikh keputusan peperiksaan UPSR diumumkan iaitu 23 Disember 2017.